

08/07/2001

Ahli perlu waspada ancaman musuh

PRESIDEN Parti Liberal Demokratik (LDP), Datuk Chong Kah Keat meminta semua 5.6 juta ahli Barisan Nasional (BN), mengambil sikap berjaga-jaga dalam menghadapi musuh sama ada dari dalam atau luar negara.

Ketua Menteri Sabah itu berkata, BN perlu sedar kewujudan golongan minoriti rakyat Malaysia yang sanggup menggadaikan keamanan serta kestabilan semata-mata mahu mencapai matlamat musuh yang ingin melihat kejatuhan negara.

"Keharmonian, perpaduan dan kestabilan Malaysia membuatkan negara-negara maju terutama dari Barat berasa iri hati. Namun, ada segolongan kecil rakyat tempatan yang sanggup diperalatkan kuasa asing ini untuk memecahbelahkan kita.

"Jadi, kita tidak boleh benarkan golongan yang semakin berani dan fanatik ini mempengaruhi seluruh rakyat," katanya dalam ucapan balas di Konvensyen BN di PWTC semalam.

Chong berkata, sokongan padu yang ditunjukkan oleh "majoriti senyap" kepada pucuk kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membuktikan bahawa rakyat terus menaruh kepercayaan kepada BN.

Beliau berkata, masanya kini sudah tiba untuk semua ahli BN tampil menunjukkan kepada golongan minoriti berkenaan bahawa rakyat Malaysia cintakan keamanan.

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Tan Sri Joseph Kurup pula meminta kerajaan yang diterajui BN melaksanakan kajian strategik mengenai persepsi rakyat terutama golongan muda terhadap pelaksanaan polisi kerajaan selama ini.

(END)